

KENYATAN MEDIA
LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA

RM973,868 DIAGIHKAN KEPADA PESAWAH MADA TERJEJAS BANJIR

PENDANG, 17 APRIL - Seramai 889 orang petani di kawasan Muda menerima bantuan wang ihsan berjumlah RM 973,686 kerana kerosakan tanaman padi akibat bencana banjir pada November tahun lalu.

Bantuan tersebut telah disampaikan oleh Menteri Besar Kedah, Dato' Seri DiRaja Ahmad Bashah bin Md Hanipah semasa Majlis Penyampaian Bantuan Wang Ihsan Banjir 2017 di Perkarangan PPK C-III Tajar.

Pemberian wang ihsan tersebut daripada peruntukan khas Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani / kerajaan bagi mengurangkan kerugian yang terpaksa ditanggung oleh pesawah yang mengalami kerosakkan tanaman padi berumur kurang dari 70 hari.

Dato' Seri DiRaja Ahmad Bashah berkata, keseluruhan keluasan tapak sawah yang mengalami kerosakkan tersebut adalah seluas 124,818 hektar dan melibatkan 12 kawasan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) MADA. Antaranya beberapa dari Wilayah 2, Jitra sehingga Wilayah 4, Kota Sarang Semut.

Katanya lagi, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM876 per hektar kepada setiap pesawah dan ianya menggambarkan keperihatinan kerajaan terhadap kesusahan yang terpaksa ditanggung oleh pesawah dan beliau berharap dengan bantuan wang ihsan yang diberikan ini diambil peluang oleh pesawah untuk memulakan semula aktiviti tanaman padi bagi musim ini.

Dalam pada itu juga, beliau turut melancarkan Program Sumber Kekayaan Baru Kelapa Matag bagi Parlimen Pendang dan mengagihkan 800 anak pokok berserta pakej input pertanian kepada 400 orang penerima di kawasan itu.

*sebarang pertanyaan boleh menghubungi Ketua Cawangan Komunikasi Korporat MADA, Encik Mohd Hafizi bin Zakaria di talian 019-400 3939 atau emel ke mhafizi.zakaria@gmail.com

Dikeluarkan oleh :
Cawangan Komunikasi Korporat
Ibu Pejabat MADA